

TERMA DAN SYARAT
“Kempen Pelanggan Preserve Your Legacy”

1. **“Kempen Pelanggan Preserve Your Legacy”** (“Kempen”) dianjurkan bersama oleh CIMB Bank Berhad [No. Pendaftaran: 197201001799] (“**CIMB Bank**”) dan CIMB Islamic Bank Berhad [No. Pendaftaran: 200401032872] (“**CIMB Islamic**”). CIMB Bank dan/atau CIMB Islamic selepas ini akan dirujuk secara kolektif sebagai “**CIMB**” dan Sun Life Malaysia Assurance Berhad [No. Pendaftaran: 199001005930 (197499-U)] dan Sun Life Malaysia Takaful Berhad [No. Pendaftaran: 200501012215 (689263-M)] (selepas ini dirujuk secara kolektif sebagai “**Sun Life Malaysia**”)

Tempoh Kempen

2. Kempen ini akan diadakan dari **15 April 2025 hingga 14 Julai 2025**, termasuk kedua-dua tarikh (“**Tempoh Kempen**”).
3. CIMB berhak untuk mengubah jangka masa Tempoh Kempen, tarikh mula dan/atau tarikh tamat Kempen, dengan memberi notis awal tidak kurang dari tujuh (7) hari kalendar.

Kelayakan

4. Kempen ini terbuka kepada semua individu yang menetap di Malaysia, termasuk warganegara Malaysia, penduduk tetap, dan bukan-warganegara Malaysia (“**Pelanggan yang Layak**”)

Produk Penyertaan

5. Butiran mengenai produk yang terlibat untuk Kempen dinyatakan dalam **Jadual A** di bawah (secara kolektif dirujuk sebagai “**Produk Penyertaan**”):

Jadual A

Produk Penyertaan	Penanggung Insurans/Pengendali Takaful
<u>Insurans Hayat (Premium Tetap)</u> (Ini adalah produk insurans) - Sun Signature Life Plus - SunLink Max	Sun Life Malaysia Assurance Berhad [No. Pendaftaran: 199001005930 (197499-U)] / Sun Life Malaysia Takaful Berhad [No. Pendaftaran: 200501012215 (689263-M)]
<u>Takaful Keluarga (Sumbangan Tetap)</u> (Ini adalah produk takaful) - Sun Inspirasi - Sun Legacy Shield - Sun Apex-i - Sun Istismar Extra	(Secara kolektif dirujuk sebagai “ Sun Life Malaysia ”) Nota: Sun Life Malaysia adalah ahli Perbadanan Insurans Deposit Malaysia (PIDM) dan semua pemilik polisi/pemegang kontrak/pemilik sijil layak mendapat perlindungan di bawah Sistem Perlindungan Manfaat Takaful & Insurans (TIPS) sekiranya Penanggung Insurans/Pengendali Takaful gagal dan tidak dapat membayar manfaat insurans/takaful.

Kaedah Kempen

6. Pelanggan yang Layak yang membeli/menyertai Produk Penyertaan semasa Tempoh Kempen akan layak menerima ganjaran dinyatakan dalam Jadual B di bawah ("**Hadiah**"), dengan syarat telah memenuhi kriteri di bawah Klausula 7 dan 8 ("**Kriteria Kelayakan**"):

Jadual B

Tier	Produk Penyertaan	Kriteria Kelayakan	Hadiah
Tier 1	1. Sun Legacy Shield 2. Sun Signature Life Plus 3. Sun Inspirasi 4. Sun Apex-i	1. Min. RM15,000 FYAP/FYAC bagi setiap Produk Penyertaan 2. Kekerapan bayaran secara tahunan	Baucer Barangan Kemas TOMEI bernilai RM1,000
Tier 2	1. Sun Istismar Extra dengan rider Takaful Medicare Extra dan/atau rider Takaful Family Critical Care 2. SunLink Max dengan rider MediCare Max	3. Min. RM5,000 FYAP/FYAC bagi setiap Produk Penyertaan 4. Kekerapan bayaran secara tahunan	RM200 e-Dompet Touch 'n Go

¹Premium Tahun Pertama Tahunan akan dirujuk sebagai "**FYAP**".

²Sumbangan Tahun Pertama Tahunan akan dirujuk sebagai "**FYAC**".

7. Kriteria Kelayakan berikut terpakai kepada semua Pelanggan yang Layak:
- Pelanggan yang Layak hanya berhak menerima Hadiah jika permohonan untuk mendapatkan Produk Penyertaan telah ditandatangani dan dicipta semasa Tempoh Kempen dan polisi/kontrak/sijil takaful Produk Penyertaan dikeluarkan oleh Sun Life Malaysia selewat-lewatnya pada tarikh yang dinyatakan dalam **Jadual C** di bawah:

Jadual C

Tempoh Menandatangani dan Mencipta Permohonan	Tempoh Pengeluaran Polisi/Kontrak/Sijil	Polisi/Kontrak/Sijil mesti kekal berkuatkuasa pada
15 April 2025 hingga 14 Julai 2025	15 April 2025 hingga 14 Ogos 2025	14 September 2025

- Bagi Produk Penyertaan dengan pilihan tambah nilai, tambah nilai tetap atau tambah nilai tunggal TIDAK akan diiktiraf sebagai sebahagian dari FYAP/FYAC.
- Pengumpulan FYAP/FYAC TIDAK terpakai untuk Kempen.
- Pelanggan yang Layak, yang merupakan Orang yang diinsurankan/Orang yang dilindungi hanya layak untuk satu (1) Hadiah bagi setiap Produk Penyertaan untuk setiap Orang yang diinsurankan/Orang yang dilindungi.
- Pelanggan yang Layak yang menarik balik atau membatalkan Produk Penyertaan semasa peringkat permohonan, pemprosesan atau peringkat lain pada atau sebelum Tempoh *Free-Look*, atau sekiranya permohonan Produk Penyertaan gagal disebabkan oleh isu pengunderaitan, tidak berhak untuk menyertai Kempen ini.

Nota:

“Tempoh Free-Look” ditakrifkan sebagai suatu tempoh di mana pemilik polisi/pemegang kontrak/pemilik sijil akan diberikan masa lima belas (15) hari dari tarikh penghantaran polisi/kontrak/sijil untuk menyemak kesesuaian pelan yang baru disertai. Jika polisi/kontrak/sijil diserahkan dalam Tempoh Free-Look, premium atau sumbangan penuh ditolak sebarang perbelanjaan perubatan yang ditanggung akan dibayar balik kepada pemegang polisi/pemegang kontrak/pemilik sijil.

8. CIMB tidak akan bertanggungjawab ke atas permohonan Produk Penyertaan atau surat menyurat berkaitan yang lewat, hilang, tidak lengkap, salah serah, tertangguh, tidak boleh dibaca, rosak atau tersalah arah, sama ada disebabkan oleh kesilapan, ketinggalan, pemindaan, pengubahan, pemadaman, kecurian, pemusnahan atau sebagainya melainkan ianya disebabkan secara langsung oleh kecuai atau kelalaian sengaja oleh CIMB.
9. Produk Penyertaan adalah:
 - a. bukan tanggungjawab dan tidak dijamin oleh CIMB dan/atau mana-mana anak syarikat dan sekutunya;
 - b. CIMB tidak akan bertanggungjawab atau dipertanggungjawabkan bagi sebarang perkara atau tuntutan berbangkit daripada Produk Penyertaan yang disediakan oleh Syarikat Insurans/Pengendali Takaful; dan
 - c. Syarikat Insurans/Pengendali Takaful sebagai syarikat insurans/pengendali takaful berlesen dan pengunderait/pengurus Produk Penyertaan akan melaksanakan kewajipan insurans/takaful dengan sepenuhnya.
10. Pelanggan yang Layak dan/atau pemilik polisi/pemegang kontrak/pemilik sijil adalah tertakluk kepada penilaian kesesuaian yang akan dijalankan semasa proses permohonan sebelum Produk Penyertaan boleh disarankan oleh wakil sah CIMB dan perlu menandatangani semua dokumen berkaitan. Pelanggan yang Layak seharusnya merujuk kepada dokumentasi Produk Penyertaan seperti risalah produk, helaian pendedahan produk dan sebarang bahan produk yang berkaitan untuk maklumat lanjut. Risalah produk untuk Produk Penyertaan tersedia di laman sesawang CIMB atau diperolehi dari wakil sah CIMB.
11. Pelanggan yang Layak dikehendaki mematuhi terma dan syarat mengenai permohonan untuk Produk Penyertaan dengan Sun Life Malaysia memandangkan CIMB adalah pengedar Produk Penyertaan sahaja.

Penunaian Hadiah

12. Hadiah akan dihantar dalam tempoh sembilan puluh (90) hari bekerja selepas 14 September 2025 (**“Jadual Penunaian”**).
13. Bagi Hadiah di bawah **Tier 1** dalam Jadual B, Sun Life Malaysia akan memaklumkan Pelanggan yang Layak yang berhak menerima Hadiah melalui e-mail atau Khidmat Pesanan Ringkas (**“SMS”**) ke alamat e-mail atau nombor telefon bimbit Pelanggan yang Layak dan Sun Life Malaysia akan melakukan panggilan susulan kepada Pelanggan yang Layak tersebut yang berhak menerima Hadiah, untuk mengesahkan cawangan TOMEI pilihan mereka untuk Pelanggan yang Layak tersebut mengambil sendiri Hadiah.
14. E-mel atau SMS lanjutan akan dihantar kepada Pelanggan yang Layak apabila Hadiah sedia untuk diambil di cawangan TOMEI yang dipilih oleh Pelanggan yang Layak tersebut. Pelanggan yang Layak mesti mengambil Hadiah tersebut dalam tempoh satu (1) bulan dari tarikh e-mel atau SMS

diterima, jika gagal Sun Life Malaysia berhak untuk kehilangan Hadiah tersebut dan Pelanggan yang Layak tidak akan mempunyai tuntutan lagi ke atas Hadiah tersebut.

15. Pelanggan yang Layak mesti memberikan nama dan Nombor Kad Pengenalan Pendaftaran Kebangsaan (NRIC) / nombor pengenalan diri lain bagi tujuan pengesahan untuk mengambil Hadiah tersebut. Jika Pelanggan yang Layak menghantar wakil, Pelanggan yang Layak itu mesti memberikan kebenaran bertulis dan salinan kad pengenalan/nombor pengenalan diri yang lain bagi kedua-dua Pelanggan yang Layak dan wakil tersebut.
16. Pelanggan yang Layak bagi Kempen ini dengan ini bersetuju bahawa CIMB dan/atau Sun Life Malaysia boleh mendedahkan nama dan kad pengenalan/nombor pengenalan diri mereka kepada vendor untuk penunaian dan/atau pengambilan Hadiah.
17. Bagi Hadiah di bawah **Tier 2** dalam Jadual B, akan dihantar melalui Khidmat Pesanan Ringkas ("SMS") ke nombor telefon bimbit Pelanggan yang Layak dalam tempoh Jadual Penunaian seperti Klausula 12 di atas.
18. Terma dan syarat berikut akan terpakai untuk Hadiah:
 - a) Hadiah untuk Kempen ini disediakan oleh vendor pihak ketiga, CIMB dan/atau Sun Life Malaysia tidak akan bertanggungjawab ke atas sebarang kerugian atau kerosakan (termasuk tetapi tidak terhad kepada kerugian pendapatan, keuntungan atau nama baik), secara langsung atau tidak langsung, sampingan, berbangkit, teladan, ganti rugi punitif atau khas kepada mana-mana Pelanggan yang Layak berkaitan dengan Hadiah.
 - b) Setakat dibenarkan oleh undang-undang, CIMB dan/atau Sun Life Malaysia tidak membuat sebarang pernyataan, waranti atau endorsemen, sama ada nyata atau tersirat, lisan atau bertulis, tentang Hadiah.
 - c) Semua risiko, kerugian, atau kerosakan yang dikaitkan dengan penebusan atau penggunaan Hadiah akan ditanggung oleh Pelanggan yang Layak.
 - d) Penggunaan dan akses kepada Hadiah adalah tertakluk pada terma dan syarat vendor, pengilang atau pembekal Hadiah. Untuk sebarang pertanyaan atau aduan mengenai Hadiah, Pelanggan yang Layak hendaklah berhubung terus dengan vendor, pengilang atau pembekal.
 - e) Pelanggan yang Layak memperakui dan menerima bahawa Hadiah tidak disahkan oleh CIMB dan/atau Sun Life Malaysia, dan dengan itu penyertaan Hadiah tidak harus dianggap sebagai pengesahan atau cadangan oleh CIMB dan/atau Sun Life Malaysia.
 - f) Selepas menerima Hadiah, Pelanggan yang Layak akan bertanggungjawab sepenuhnya untuk perkara berikut:
 - (i) sebarang kewajipan memfailkan cukai atau sebarang pembayaran cukai yang perlu dibuat kepada mana-mana pihak berkuasa; dan
 - (ii) untuk mendapatkan nasihat bebas tentang implikasi yang mungkin timbul terhadap kedudukan kewangan beliau sendiri.
 - g) Pemberitahuan Hadiah adalah akan berdasarkan alamat e-mel dan/atau nombor telefon bimbit Pelanggan yang Layak sebagaimana disediakan dalam Borang Cadangan Insurans dan/atau

Borang Permohonan/E-Permohonan Takaful Keluarga Sun Life Malaysia dan Pelanggan yang Layak bertanggungjawab untuk memastikan semua maklumat yang disediakan adalah semasa dan terkini.

- h) Pemberitahuan Hadiah hanya sah untuk nombor telefon bimbit dalam Malaysia dan tidak sah untuk nombor telefon bimbit yang berlokasi di luar Malaysia.
- i) Pelanggan yang Layak dengan nombor telefon bimbit yang berlokasi di luar Malaysia perlu memberikan nombor telefon bimbit yang berlokasi di Malaysia.
- j) CIMB dan Sun Life Malaysia tidak akan bertanggungjawab kepada Pelanggan yang Layak bagi sebarang kerugian (termasuk kehilangan peluang dan kerugian turutan daripadanya) yang dialami atau bagi sebarang kegagalan menguruskan penghantaran Hadiah sekiranya:
 - (i) **Tier 1 dalam Jadual B** – Alamat e-mel dan/atau nombor telefon bimbit Pelanggan yang Layak yang diberikan kepada Sun Life Malaysia bukan yang semasa, tidak terkini, tidak lengkap atau tidak tepat.
 - (ii) **Tier 2 dalam Jadual B** – Nombor telefon bimbit Pelanggan yang Layak dalam rekod CIMB dan Sun Life Malaysia bukan yang semasa, tidak terkini, tidak lengkap atau tidak tepat atau SMS gagal diterima oleh Pelanggan yang Layak.

Terma-terma dan Syarat-syarat Am

19. Pelanggan yang Layak bersetuju bahawa dengan menyertai Kempen ini, mereka:

- a. dikehendaki membaca dan memahami Terma dan Syarat ini;
- b. telah mengakses, membaca dan mengesahkan persetujuan mereka mengenai Terma dan Syarat ini;
- c. mengesahkan bahawa terma kontrak penting yang mempengaruhi kewajipan mereka telah dijelaskan dengan sewajarnya kepada mereka;
- d. memberi persetujuan kepada CIMB dan/atau Sun Life Malaysia untuk memproses dan mendedahkan data peribadi mereka serta sebarang data peribadi mana-mana individu yang dikongsiikan Pelanggan yang Layak dengan CIMB dan/atau Sun Life Malaysia selaras dengan Notis Privasi Kumpulan CIMB di www.cimb.com.my dan/atau Notis Privasi Sun Life Malaysia di www.sunlifemalaysia.com;
- e. bersetuju bahawa semua keputusan yang dibuat secara munasabah oleh CIMB dan/atau Sun Life Malaysia berhubung dengan setiap aspek Kempen ini adalah muktamad, mengikat dan mutakhir; dan
- f. bersetuju bahawa CIMB dan/atau Sun Life Malaysia tidak menanggung liabiliti atau bertanggungjawab terhadap Pelanggan yang Layak jika CIMB dan/atau Sun Life Malaysia tidak dapat melaksanakan sepenuhnya atau sebahagian daripada kewajipannya dalam Terma dan Syarat ini yang dikait secara langsung atau tidak langsung oleh:
 - i. kegagalan mana-mana peranti mekanikal atau elektronik, sistem pemprosesan data atau talian transmisi;
 - ii. kegagalan elektrik;
 - iii. pertikaian perindustrian, peperangan, mogok atau rusuhan;
 - iv. sebarang bencana alam yang di luar kawalan CIMB dan/atau Sun Life Malaysia; atau
 - v. sebarang faktor lain yang di luar kawalan munasabah CIMB dan/atau Sun Life Malaysia.

20. Pelanggan yang Layak akan dibatalkan daripada menyertai Kempen dan/atau Hadiah akan ditarik balik, sekiranya dalam Tempoh Kempen dan/atau sebelum pemberian Hadiah:
- a. Pelanggan yang Layak melanggar terma dan syarat yang mengawal selia Produk Penyertaan yang dilanggan;
 - b. Produk Penyertaan yang telah dilanggan telah ditamatkan atau dibatalkan atau tertakluk kepada sebarang lampiran, arahan tegas yang dibuat oleh Mahkamah atau mana-mana pihak berkuasa yang dibenarkan oleh undang-undang; atau
 - c. Produk Penyertaan yang dilanggan telah dibatalkan oleh Pelanggan yang Layak atau CIMB dan/atau Sun Life Malaysia.
21. CIMB dan/atau Sun Life Malaysia berhak untuk membatalkan penyertaan Pelanggan yang Layak jika didapati melakukan:
- a. gangguan kepada proses permohonan; dan/atau
 - b. tindakan yang melanggar Terma dan Syarat ini.
22. CIMB dan/atau Sun Life Malaysia berhak untuk melanjutkan, memendekkan, menghentikan, membatalkan, menamatkan atau menggantung Kempen dengan memberi notis awal tujuh (7) hari kalendar terlebih dahulu kepada Pelanggan yang Layak menerusi:
- i. pengumuman di laman sesawang CIMB;
 - ii. sebarang kaedah pemberitahuan lain yang mungkin akan ditentukan oleh CIMB mengikut budi bicaranya.

Untuk mengelakkan keraguan, CIMB dan/atau Sun Life Malaysia tidak akan bertanggungjawab kepada Pelanggan yang Layak untuk sebarang kerugian, kerosakan, kos atau perbelanjaan yang mungkin dialami atau ditanggung oleh Pelanggan yang Layak yang disebabkan secara langsung atau tidak langsung daripada sebarang pembatalan, penggantungan, pemendekan atau pelanjutan Kempen.

23. CIMB boleh menggantikan Hadiah dengan item lain yang sama atau setara nilainya tanpa sebarang notis awal.
24. Hadiah tidak boleh dipindah milik, dibayar balik atau ditukar untuk tunai atau sebarang bentuk kredit.
25. CIMB dan/atau Sun Life Malaysia tidak akan bertanggungjawab kepada Pelanggan yang Layak atau mana-mana pihak untuk sebarang kerugian, kos atau kerosakan (termasuk tetapi tidak terhad kepada, kehilangan pendapatan, keuntungan atau musibah, secara langsung atau tidak langsung, sampingan, turutan, teladan, ganti rugi punitif atau khas) yang berlaku disebabkan oleh:
- (i) Pelanggan yang Layak menyertai atau tidak menyertai Kempen; dan/atau
 - (ii) Pelanggan yang Layak gagal menerima atau lewat menerima Khidmat Pesanan Ringkas ("**SMS**") atau Mel Langsung ("**eDM**")
- melainkan kerugian atau kerosakan tersebut timbul daripada dan disebabkan secara langsung oleh kecuaiannya melampau atau keingkaran sengaja CIMB.
26. a) CIMB dan/atau Sun Life Malaysia berhak untuk mengubah, menambah, menggugurkan atau meminda mana-mana Terma dan Syarat ini ("**Pindaan**") dengan memberi notis awal dua puluh satu (21) hari kalendar terlebih dahulu kepada Pelanggan yang Layak menerusi:
- (i) pengumuman di laman sesawang CIMB;

- (ii) sebarang kaedah lain yang mungkin ditentukan oleh CIMB.
 - b) Pindaan tersebut dianggap sebagai mengikat ke atas Pelanggan yang Layak dari tarikh seperti yang dinyatakan oleh CIMB dalam pemberitahuan.
 - c) Jika perubahan diperlukan oleh undang-undang atau sebarang peraturan, ketetapan, arahan, notis dan garis panduan ("**Ketetapan**") maka ia akan berkuat kuasa menurut undang-undang atau Ketetapan dan CIMB akan memaklumkan atau memberi notis kepada Pelanggan yang Layak mengenai perubahan tersebut secepat mungkin.
 - d) Pelanggan yang Layak bersetuju untuk mengunjungi laman sesawang CIMB dari semasa kesemasa untuk menyemak terma dan syarat Kempen dan untuk memastikan bahawa mereka maklum tentang sebarang perubahan kepada Terma dan Syarat ini.
27. CIMB dan/atau Sun Life Malaysia tidak akan bertanggungjawab kepada Pelanggan yang Layak untuk sebarang kerugian, kos atau kerosakan yang dialami atau ditanggung oleh Pelanggan yang Layak yang disebabkan secara langsung atau tidak langsung oleh Pindaan tersebut.
28. Pelanggan yang Layak hendaklah menanggung rugi sepenuhnya dan memastikan CIMB dan/atau Sun Life Malaysia dibayar ganti rugi penuh bagi yuran, kos, caj, perbelanjaan, kerugian, kerosakan atau liabiliti yang mungkin dialami oleh CIMB dan/atau Sun Life Malaysia yang disebabkan oleh:
- a. penyertaan dalam Kempen;
 - b. penerimaan, penubuhan atau penggunaan Hadiah; dan/atau
 - c. pelanggaran atau kegagalan mematuhi Terma dan Syarat ini.
29. Terma dan Syarat ini:
- a. akan mengatasi sebarang peruntukan atau pernyataan yang terkandung dalam mana-mana bahan pengiklanan Kempen; dan
 - b. hendaklah dibaca bersama terma dan syarat semasa produk dan/atau perkhidmatan CIMB berkaitan dengan Kempen yang akan berkuat kuasa dan terpakai sebagai tambahan kepada Terma dan Syarat ini.
30. Terma dan Syarat ini tertakluk kepada dan ditafsirkan menurut undang-undang Malaysia dan peraturan, ketetapan dan garis panduan Bank Negara Malaysia dan badan kawal selia berkaitan lain yang perlu dipatuhi CIMB dan/atau Sun Life Malaysia.
31. Jika CIMB tidak melaksanakan mana-mana haknya menurut Terma dan Syarat ini, ia tidak menghalang CIMB daripada melaksanakan hak tersebut atau sebarang hak lain CIMB pada masa akan datang.
32. Laman sesawang CIMB mungkin mengandungi pautan ke laman sesawang lain ("Pautan Pihak Ketiga"). CIMB tidak mempunyai kawalan ke atasnya, dan tidak memantau atau menyemak kandungan Pautan Pihak Ketiga. Jika Pelanggan yang Layak telah klik pada Pautan Pihak Ketiga, Pelanggan yang Layak memahami bahawa mereka mengakses Pautan Pihak Ketiga atas risiko sendiri dan CIMB tidak bertanggungjawab ke atas sebarang kerugian yang mungkin ditanggung oleh Pelanggan yang Layak.

33. a) Pelanggan yang Layak boleh menghubungi Unit Resolusi Pelanggan (“**CRU**”) CIMB untuk sebarang maklum balas dan/atau aduan berkaitan dengan Kempen ini menerusi koresponden berikut:

Alamat: Peti Surat 10338, Pejabat Pos Besar Kuala Lumpur, 50710 Wilayah Persekutuan

No. Telefon: +603 6204 7788

E-mel: contactus@cimb.com

b) CIMB boleh mengubah butiran perhubungan di atas dengan memaklumkan kepada Pelanggan yang Layak melalui pengumuman di laman sesawang CIMB atau sebarang kaedah pemberitahuan lain yang ditentukan oleh CIMB.

34. Sebarang pertanyaan, maklum balas, keraguan, isu atau aduan mengenai Produk Penyertaan boleh dilakukan oleh Pelanggan yang Layak kepada Sun Life Malaysia menerusi koresponden berikut:

Alamat:

Sun Life Malaysia Assurance Berhad [Nombor Pendaftaran: 199001005930 (197499-U)]/

Sun Life Malaysia Takaful Berhad [Nombor Pendaftaran: 200501012215] (689263-M)]

Aras 11, 338 Jalan Tuanku Abdul Rahman, 50100 Kuala Lumpur

Talian Khidmat Pelanggan di 1300-88-5055:

Pertanyaan Atas Talian: sunlifemalaysia.com,

E-mel: wecare@sunlifemalaysia.com,

Faks: (603) 2698 7035

35. Pengunderait atau pengurus Sun Life Malaysia akan menguruskan perkara yang berkaitan dengan Produk Penyertaan.